

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

➔ Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo  
Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, UKM dan Naib Pengerusi, Majlis UNESCO Global Geopark



➔ Jawatankuasa Geopark Kebangsaan ini diberikan mandat untuk menentukan dasar, hala tuju, perancangan strategik, sumber kewangan dan memperaku geopark kebangsaan"

➔ Geopark diperkenalkan berasaskan satu wilayah terpencil dengan memperkasa komuniti tempatan membangun sumber warisan bumi secara lestari sambil meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan sosial"

➔ Dalam konteks ini, negara seperti Malaysia umpamanya, mempunyai kerajaan yang berkeupayaan tinggi pada peringkat persekutuan dan beransur lemah di peringkat negeri dan daerah"

# Itizam pemimpin tempatan dorong jayakan geopark

Pada 5 Mei lalu, Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) meluluskan lapan UNESCO Global Geopark baharu menjadikan semuanya 127 geoparks dari 35 negara. Pengisytiharan ini membabitkan geopark mewakili China, Mexico, Korea, Iran, Sepanyol dan Perancis. UNESCO Global Geopark ialah inisiatif terbaru bagi meraih warisan geologi dalam konteks wawasan pembangunan lestari wilayah.

Sejak 2007, Malaysia menjadi peneraju pembangunan geopark di Asia Pasifik. Dalam Persidangan Pertama Geopark Asia Pasifik yang dianjurkan oleh Langkawi UNESCO Global Geopark, wakil negara dilantik menerajui Jaringan Geopark Asia Pasifik, bertujuan untuk membantu membangunkan geowarisan dan geopark di negara rantau ini. Hari ini, China mempunyai 35 geopark global, diikuti oleh Jepun (8), Indonesia (2), Korea (2), manakala satu masing-masing di Malaysia, Vietnam serta Iran.

Pembangunan geopark di China sangat luar dugaan. Pada 2000, negara itu membuat ketetapan

untuk menggerakkan inisiatif wawasan geopark sebagai alat pembangunan wilayah terpencil (luar bandar). Kementerian Tanah dan Sumber bersama Akademi Geosains China diberi mandat untuk menjayakan wawasan ini. Kerajaan China bertindak sebagai penyalur dan menyediakan dana pembangunan prasarana, sementara agensi tempatan melaksanakan inisiatif ini.

### Sedia bangunkan geopark

Kini China mempunyai 35 UNESCO Global Geopark dan hampir 300 Geopark Kebangsaan - negara paling berjaya membangun geopark di dunia. Di Jepun keadaannya berbeza, Kerajaan Jepun kurang memberi perhatian terhadap pembangunan geopark. Begitupun, kerajaan tempatan (Prefecture) dan kepemimpinannya mempunyai minat yang tinggi untuk membangun geopark. Melalui usaha Jawatankuasa Jaringan Geopark Jepun, sebuah badan NGO, mereka membantu dan menggerakkan kerajaan tempatan yang bersedia membangunkan geopark. Sejak 2009, Jepun berjaya memiliki lapan UNESCO Global Geopark dan lebih 35 geopark kebangsaan.

Di Malaysia pula, walaupun kita

memulakan inisiatif geopark sejak 2000, hasilnya sangat terbatas. Kita bermasib baik, pada 2006, Pengurus Besar, Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Kamarulzaman Abdul Ghani ketika itu percaya bahawa geopark ialah strategi lautan biru yang mampu membawa Langkawi menjadi destinasi pelancongan unik dan unggul dunia. Beliau menggerakkan melalui bantuan Kumpulan Warisan Geologi, UKM; Kementerian Kewangan Malaysia; dan kerajaan negeri Kedah.

Atas kegigihan beliau, Langkawi berjaya diangkat menjadi geopark kebangsaan dan pada 2007 diisytihar sebagai UNESCO Global Geopark.

Mengapa wawasan geopark digemari di China, Jepun dan kebanyakan negara di Eropah? Sebab utama ialah geopark boleh dijadikan alat pengurusan penting untuk meraih penyelesaian pembangunan lestari. Walaupun warga dunia sudah lama beriltizam untuk menyelamatkan bumi melalui wawasan pembangunan lestari, kenyataannya belum ada mekanisme bersepadu di peringkat tempatan yang berupaya menjayakan hasrat ini.

Geopark diperkenalkan berasaskan satu wilayah terpencil dengan memperkasa komuniti tempatan membangun sumber warisan bumi secara lestari sambil meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan sosial. Kebanyakan negara di Asia Pasifik menghadapi pelbagai cabaran untuk membangun geopark kerana ia membabitkan proses 'bawah ke atas', sementara perancangan dan pembangunan arus perdana umumnya bersifat 'atas ke bawah'.

Dalam konteks ini, negara seperti Malaysia umpamanya, mempunyai kerajaan yang berkeupayaan tinggi pada peringkat persekutuan dan beransur lemah di peringkat negeri dan daerah. Oleh kerana geopark ialah wawasan pembangunan daerah yang didorong oleh komuniti tempatan, kejayaannya banyak bergantung kepada pemimpin tempatan dan pasukannya yang beriltizam tinggi.

Malaysia sudah memulakan

proses pembangunan geopark kebangsaan secara bersistem sejak 2010. Beberapa kawasan sesuai sebagai geopark sudah dikenal pasti, antaranya Delta Sarawak, Gunung Kinabalu, Lembah Kinta, Tasik Kenyir dan Gunung Jerai. Walaupun usaha menyediakan maklumat saintifik, khususnya penetaan dan penilaian geotapak berjaya dilaksanakan, cabaran masih berkisar kepada isu governance dan penerimaan pihak berkepentingan tempatan.

### Gunung Jerai, Lembah Kinta

Semua cadangan geopark ini masih dicari-cari siapakah pemimpin tempatan yang berupaya mengetuai sebuah pasukan pihak berkepentingan bagi menjayakan wawasan ini. Kita sudah berganjak setapak ke hadapan pada 2015, apabila Jawatankuasa Geopark Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ditubuhkan. Ahlinya terdiri daripada pengarah agensi berkepentingan, unit perancangan ekonomi negeri dan pakar geopark. Jawatankuasa Geopark Kebangsaan ini diberikan mandat untuk menentukan dasar, hala tuju, perancangan strategik, sumber kewangan dan memperaku geopark kebangsaan.

Kami berharap 2017 perjuangan geopark bakal membuahkan kejayaan. Dua kawasan iaitu Gunung Jerai dan Lembah Kinta sudah bersedia diangkat menjadi geopark kebangsaan. Kini kedua-duanya hanya menunggu untuk mendapat restu kerajaan negeri sebelum melalui proses perulatan. Satu usaha murni pembangunan wilayah bagi kepentingan komuniti setempat masih sukar mencapai kejayaan. Benarlah seperti kata pepatah 'kalau tidak pecahkan ruyung, mana dapat sagunya'.

➔ Masih ramai dalam kalangan masyarakat percaya bahawa vaksin menyebabkan kesan malarat yang serius, tetapi maklumat tidak tepat ini mengandungi lebih banyak maklumat (buti penjelasan lanjut) Setiausaha Agung Pertubuhan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (Medki), Profesor Dr Azizi Ayub, esak